

19 FEB 2003

NAM-Mahathir (Majalah)/I

NAM TIADA PILIHAN KECUALI BANTU SELESAI MASALAH PERANG, KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) tidak mempunyai pilihan kecuali membantu menyelesaikan masalah peperangan dan keganasan sebelum perhatian boleh ditumpukan kepada menolong negara-negara anggota.

Beliau berkata selepas menyelesaikan krisis masa kini, NAM harus mewujudkan satu strategi yang munasabah dan perancangan bagi membantu negara anggota yang miskin dengan kerjasama antarabangsa.

"Hanya ketika itu dunia akan memberikan perhatian kepada masalah ekonomi dan politik yang dihadapi negara anggota NAM," katanya dalam satu jawapan bertulis kepada soalan daripada majalah New Voice of Asia yang memberi fokus terhadap NAM, pergerakan dengan 114 anggota itu yang mengadakan sidang kemuncak ke-13nya bermula di sini esok.

Dengan dunia kebanyakannya leka dengann isu keganasan global dan perang, Dr Mahathir ditanya apa yang boleh dilakukan NAM untuk mengalih perhatian kepada masalah utama antarabangsa seperti peminggiran negara-negara membangun berpunca daripada kemajuan teknologi dan ketidakseimbangan dalam sistem perdagangan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Dr Mahathir berkata NAM boleh mengetengahkan satu pandangan yang rasional mengenai punca keganasan dan perlunya untuk menghapuskan masalah itu selain hanya meningkatkan keselamatan dan penggunaan senjata.

Sambil mengakui bahawa NAM masih menghadapi banyak masalah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial, Perdana Menteri berkata pergerakan itu perlu mengenalkan diri mereka sebagai satu badan bagi menguatkan pengaruh.

Beliau juga ditanya mengenai cadangan supaya NAM ditukar menjadi satu pertubuhan rasmi dengan penyediaan sebuah sekretariat tetap dan infrastruktur pentadbiran yang lain.

Mengenai perkara ini, Dr Mahathir berkata negara anggota NAM tidaklah kaya dan mempunyai terlalu banyak perbezaan dan percanggahan kepentingan bagi mereka untuk menyokong sebuah sekretariat tunggal yang harus mencerminkan pandangan semua negara anggota yang berlainan.

NAM, katanya, hanya boleh memberikan sokongan umum bagi segelintir isu tertentu.

NAM bukan sebuah pertubuhan dan oleh itu tidak mempunyai struktur rasmi seperti perlembagaan, sekretariat atau badan eksekutif. Pergerakan itu mempunyai satu biro penyelarasan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyelaras semua aktivitinya.

Mengenai sama ada saiz pergerakan itu telah membantu atau menghalang pencapaian objektifnya, Dr Mahathir berkata semakin banyak anggotanya, semakin berpengaruh NAM untuk menarik perhatian kepada masalah yang dihadapi negara anggotanya.

Menyentuh mengenai relevannya NAM berikutan tamatnya Perang Dingin dan kebangkitan sebuah dunia unipolar yang berpaksikan Amerika Syarikat, beliau berkata jika orang menganggap NAM sebagai sebuah pengimbang untuk membetulkan ketidaseimbangan dalam konfrontasi Timur-Barat, maka NAM tidak lagi relevan.

Tetapi, sambil memberi contoh negara Utara yang agak berpecah dalam memutuskan sama ada untuk menyerang atau tidak Iraq, Dr Mahathir berkata NAM boleh menggunakan pengaruhnya mengikut kehendak anggotanya.

Dalam kes ini, katanya, ia harus menyokong atau membantah peperangan.

Dr Mahathir berkata bidang yang menjadi keutamaan dalam agenda sidang

kemuncak NAM ialah isu-isu semasa terutama kemungkinan perang terhadap Iraq dan penggunaan perang sebagai satu penyelesaian terhadap konflik antarabangsa.

Bayang-bayang yang mengerikan menghadapi kemungkinan serangan Amerika, terus mengancam rakyat Iraq, yang menerima tuduhan bahawa negara yang kaya dengan minyak itu dengan penduduk seramai 24 juta, memiliki senjata pemusnah besar-besaran.

Ditanya sama ada pendekatan pemuafakatan dalam membuat keputusan di NAM telah membuatkan pergerakan itu lebih atau kurang berkesan, Dr Mahathir berkata keputusan melalui kata sepakat selalunya menghadapi masalah.

"Bagaimanapun kecuali perkataan yang digunakan tidak terlalu keras, kata sepakat boleh dicapai," katanya.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada beliau yakin mengenai masa depan negara-negara NAM dari segi kemajuan yang dicapai dalam bidang sosio-politik seperti mempunyai sebuah kerajaan demokratik, pembangunan yang mengutamakan rakyat dan perlindungan hak asasi manusia.

Sambil menjawab ia akan merupakan satu proses yang lembab dan menyakitkan, Dr Mahathir bagaimanapun berkata NAM akan sentiasa menjadi alat yang berguna bagi negara-negara Selatan.

New Voice of Asia merupakan majalah yang diterbitkan tiga bulan sekali bermula pada 1998 untuk membalas laporan negatif krisis kewangan ketika itu. Bagaimanapun ia berhenti beroperasi selepas satu setengah tahun.

Ia telah dilancarkan semula sempena NAM dan akan terus diterbitkan tiga bulan sekali. Pengerusi Institut Pengarah Malaysia Tan Sri Lim Kok Wing adalah orang yang bertanggungjawab dalam penerbitan majalah itu.

-- BERNAMA

MAM MAM RON